

TARIKH	JUMAAT, 19 FEBRUARI 2021
AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK ARTIKEL	PENYELIDIKAN PERLOMBONGAN NADIR BUMI
M/S	26
BIDANG	NUKLEAR MALAYSIA
KATA KUNCI	GTSB, RARE ERATH, BAS

Oleh **INTAN SUHANA CHE OMAR**  
intan.suhana@mediamalaysia.com.my

**S**EJAK kebelakangan ini, nadir bumi telah menarik perhatian ramai pihak sama ada kerajaan mahupun industri berkaitan.

Sehubungan itu, Nuklear Malaysia bekerjasama dengan syarikat berasaskan perlombongan mineral, Greensnow Technology Sdn. Bhd.(GTSB) menjalankan penyelidikan dan pembangunan ujian rintis perlombongan nadir bumi tidak beradioaktif (NR REE) di negara ini.

Melalui kolaborasi itu, Nuklear Malaysia memernisi Bahagian Teknologi dan Pengurusan Sisa dan Alam Sekitar (BAS) diberi kepercayaan oleh GTSB untuk menjalankan projek kerjasama penyelidikan meneroka nadir bumi.

Ketua Pengarah Nuklear Malaysia, Dr. Siti A'fiah Hashim berkata, kepakaran penyelidikan dan fasiliti termasuk peralatan-peralatan saintifik yang terdapat di agensi berkenaan dapat membantu pihak industri.

Katanya, Nuklear Malaysia menyambut baik



# Penyelidikan perlombongan nadir bumi

**“**Antara kajian yang akan dilakukan adalah kesan perlombongan dengan menggunakan teknik *insitu leaching*...”

lamaran pihak GTSB menjalankan penyelidikan untuk meluaskan industri nadir bumi di Malaysia.

“Diharapkan hasil penyelidikan ini dapat mencetuskan industri baharu yang boleh menyokong usaha ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi,” katanya ketika majlis pertukaran balas dokumen perjanjian kerjasama yang diadakan secara dalam talian baru-baru ini.

Kos projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) dibiayai sepenuhnya oleh GTSB berjumlah RM450,500 dengan tempoh masa diperuntukkan selama 12 bulan.

Antara kajian yang akan dilakukan adalah kesan perlombongan dengan menggunakan teknik *insitu leaching* untuk meleraikan unsur-unsur nadir bumi yang berharga seperti *neodymium*, *praseodymium*, *cerium* dan lain-lain yang terdapat dalam tanah liat dan batuan.

Teknik tersebut semakin diminati kerana ia tidak memberi gangguan yang ketara kepada ekosistem dan alam sekitar sekitarnya kawalan dan pemantauan dilakukan dengan rapi.



**SITI A'FIAH HASHIM**